

11/11/1999

Masa terbaik mendapat mandat baru

SEMALAM, sebaik saja Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memaklumkan pembubaran Parlimen yang diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong mengikut Fasal (2) Perkara 55, Perlembagaan Persekutuan, diikuti Dewan-Dewan Undangan Negeri (DUN), kecuali Sabah dan Sarawak, berkuatkuasa hari ini, suasana pilihan raya sudah pun mula dirasakan.

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) akan mengumumkan tarikh penamaan calon dan pembuangan undi mengikut peraturan yang ditetapkan. Tarikh penamaan calon dan pembuangan undi akan mengambil kira soal logistik dan kepentingan semasa termasuk peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang akan bermula tidak lama lagi.

Bagi sesetengah pihak, pembubaran Parlimen dan DUN sekarang mungkin agak mengejutkan terutamanya menjangkakan Dr Mahathir akan menghadiri Mesyuarat Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel (Chogm). Pada saat-saat akhir, Dr Mahathir mengambil keputusan membatalkan pemergiannya ke Afrika Selatan kerana soal dalam negara sentiasa menjadi keutamaan beliau. Pada awalnya Dr Mahathir bercadang mengadakan pilihan raya selepas Aidilfitri. Tetapi setelah memikirkan Ramadan yang dijadual bermula 9 Disember dicemari oleh tindakan politik kotor pembangkang, Dr Mahathir terpaksa mengambil keputusan mempercepatkan proses pilihan raya, walaupun tempoh kerajaan Barisan Nasional (BN) hari ini berlanjutan sehingga Jun 2000.

Perkiraan Dr Mahathir adalah bijak kerana dengan berbuat demikian beliau dapat menghindarkan masjid dan surau dipergunakan oleh pihak tertentu untuk tujuan berkempen, memaki-hamun, menabur fitnah dan sebagainya, terutamanya jika pilihan raya diadakan tahun depan.

Apakah nilai sebuah masjid dan surau jika ia dijadikan gelanggang yang membolehkan orang menggunakan bahasa kesat dan mencarut. Beliau bimbang kemuliaan bulan puasa akan diijikkan oleh mereka yang tidak bertanggungjawab dan sanggup melakukan apa saja demi untuk mendapat kuasa.

Pembubaran Parlimen dan DUN pasti akan mengecewakan parti pembangkang, terutamanya Pas dan Keadilan, kerana peluang untuk mereka menggunakan masjid dan surau untuk menanam bibit kebencian terhadap kerajaan dan pemimpin, telah pun dibantutkan. Selama ini mereka menjadikan rumah ibadat bagi umat Islam itu tanpa rasa malu sedangkan Umno tidak tergamak melakukan perbuatan terkutuk itu walaupun peluang untuk berbuat demikian juga adalah luas.

Ramadan adalah bulan mulia untuk umat Islam memberi tumpuan sepenuhnya beribadat dan bersembahyang terawih. Pengalaman Ramadan yang lalu sudah cukup membuktikan bahawa masjid dan surau disalahgunakan untuk tujuan politik. Sebagai kerajaan yang bertanggungjawab, adalah wajar memastikan keadaan itu tidak berulang demi kesucian Islam. Atas nama menjaga nama baik Islam, kerajaan BN tidak boleh membenarkan perbuatan hina itu terus berlaku.

Bagi mana-mana kerajaan yang ditadbir menerusi sistem demokrasi, pembubaran Parlimen biasanya dibuat apabila kerajaan benar-benar yakin bahawa inilah masa yang terbaik untuk mendapat mandat baru daripada rakyat.

Ini jelas membuktikan BN sudah benar-benar bersedia menghadapi parti-parti pembangkang. Ketika parti-parti pembangkang hilang arah dan kehabisan modal untuk dilemparkan terhadap kerajaan, kini adalah giliran BN pula memberi penjelasan dan menyerang balas menerusi gelanggang politik.

Umum maklum, kerajaan BN diserang dari segala sudut oleh parti-parti pembangkang terutamanya sejak pelucutan jawatan Datuk Seri Anwar Ibrahim dari Kabinet dan keanggotaan Umno. Parti-parti pembangkang sudah pun dianggap 'puas' dengan tohmahan dan dakwaan mereka hinggakan tidak mampu lagi mengulangi tohmahan lapuk yang sudah ditolak rakyat.

Kini, setelah rakyat mula sedar kedudukan sebenar dan yakin dengan keikhlasan pemimpin kerajaan, tidak ada sebab kerajaan BN perlu menengguhkan pilihan raya umum. Bagi BN, walaupun yakin rakyat akan memberi mandat baru dengan memberi lebih dua pertiga kerusi majoriti di Parlimen, ini tidak bermakna mereka tidak perlu bekerja keras. Selepas ini, jentera BN akan digerakkan sepenuhnya untuk menenggelamkan suara pembangkang.

Parti-parti pembangkang pasti akan menggunakan pelbagai taktik untuk menafikan penguasaan BN. Tidak kurang juga akibat terlalu ghairah menyebabkan mereka terperangkap. Tindak tanduk berhubung isu melantik Perdana Menteri yang bukan daripada orang Islam, menjerat leher mereka. Pemimpin-pemimpin parti berkenaan bertelagah sesama sendiri hingga menyebabkan rakyat tidak lagi yakin dengan tindak tanduk mereka.

Sikap Pas yang gentar dengan ugutan DAP menimbulkan syak wasangka rakyat. Daripada sokongan kepada BN kebelakangan ini, ia memungkinkkan parti-parti pembangkang terus dilemahkan, seterusnya BN akan dapat menawan semula Kelantan.

(END)